


Lebih banyak aduan selepas akta dipinda

GAMBAR HIASAN



GAMBAR Hiasan

BERNAMA

TRIBUNAL Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dijangka menerima lebih banyak aduan selepas Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 (Pindaan) 2019 berkuat kuasa 1 Oktober ini.

Antara pindaannya peningkatan had nilai tuntutan kepada RM50,000 daripada RM25,000 sebelum ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Muez Abd Aziz berkata, pelaksanaan akta itu akan memperkasakan hak pengguna seiring peningkatan kuasa beli rakyat selain memastikan peranan TTPM kekal relevan apabila mendepani isu pertikaian dan tuntutan kepenggunaan yang semakin kompleks.

"Perkembangan ekonomi yang pesat menyebabkan harga barang dan perkhidmatan meningkat serta melebihi RM25,000 seperti pembelian kereta, motosikal dan pengubahsuaian rumah, yang sebelum pindaan akta menyebabkan pengguna hilang kelayakan membawa kes ke TTPM untuk diadili.

"Bilangan aduan akan terus bertambah dan kementerian bersedia sepenuhnya dari segi logistik dan penugasan kakitangan bagi menangani aduan yang diterima," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Advokasi Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Pindaan) 2019 di Putrajaya hari ini.

Menurut Muez, TTPM dalam tempoh 2000 hingga Ogos lalu menerima pemfailan kes sebanyak 112,367 membabitkan nilai tuntutan RM286.2 juta dan nilai ganti rugi RM132.6 juta yang mana sebahagian besarnya kes pembelian kenderaan, ubah suai rumah serta urus niaga dalam talian.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 24 September 2019 @ 3:22 PM